

**PERTANDINGAN MENULIS CERPEN  
SEMPENA SAMBUTAN BULAN BAHASA KEBANGSAAN 2011  
PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA**

**1. PENGANJUR**

Penganjur utama sayembara adalah Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan kerjasama GAPENA dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

**2. TEMA**

- i. Tema cerpen bagi tahun ini adalah **“PUTRAJAYA – DIHATIKU”**
- ii. Karya mestilah bertemakan Putrajaya dan berasaskan keindahan, keunikan Bandar, kehijauan flora dan suasana menarik yang terdapat di Putrajaya yang menjadi kebanggaan rakyat Malaysia dan yang kian mendapat sambutan sebagai satu destinasi baru pelancongan negara.

**3. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN.**

- i. Penyertaan adalah TERBUKA kepada warganegara Malaysia yang berumur 15 tahun ke atas bermula dari 12 September hingga 18 Oktober 2011.
- ii. Seboleh mungkin karya hendaklah diadakan dengan Konsep 1Malaysia.
- iii. Cerpen tidak terdiri lebih dari empat *watak*.
- iv. Cerpen hendaklah ditulis dalam Bahasa Melayu.
- v. Cerpen mestilah hasil penulisan sendiri, belum pernah disiarkan oleh mana-mana penerbitan dan tidak ditiru atau adaptasi. Karya ciplak, plagiat atau terjemahan akan ditolak.
- vi. Cerpen hendaklah ditaip di atas kertas A4 dalam jarak 2 langkau(double-spacing), menggunakan huruf Times New Roman bersaiz 12 dan dicetak pada sebelah muka setiap helaian.
- vii. Cerpen ditulis dalam lingkungan 2000-2500 patah perkataan sahaja
- viii. Peserta boleh menghantar lebih dari satu cerpen dan penyertaan adalah percuma.
- ix. Setiap cerpen yang telah dihantar menjadi hakmilik Penganjur. Penganjur berhak mengedit, mencetak dan menerbit karya tersebut.
- x. Setiap penyertaan perlulah disertai dengan maklumat berikut pada kertas Berasingan -
  - a. Nama Penuh (berhuruf besar) dan no. kad pengenalan
  - b. Alamat
  - c. Pekerjaan
  - d. Nombor telefon yang mudah dihubungi
  - e. Alamat e-mail (sekiranya ada)

#### 4. KRITERIA PENILAIAN, PENGHAKIMAN DAN PENGUMUMAN PEMENANG

- i. Penilaian adalah berpandukan kepada berikut -
  - a. Keberkesanan isi dan olahan bertepatan dengan tema.
  - b. Teknik dan gaya bahasa
  - c. Latar tempat, latar masa, watak dan perwatakan yang menarik.
- ii. Penghakiman
  - a. Cerpen akan dinilai oleh Panel Hakim Pertandingan Penulisan Cerpen sempena Bulan Bahasa Kebangsaan 2011 Peringkat Putrajaya.
  - b. Keputusan hakim adalah muktamad. Sebarang bantahan tidak akan dilayani. Tidak dibenarkan menyentuh isu-isu sensitif seperti bangsa dan agama.
- iii. Pemenang
  - a. Pemenang akan dimaklumkan melalui telefon atau emel dalam tempoh 30 hari dari tarikh tutup penyertaan pada 18 Oktober 2011.
  - b. Penyertaan dianggap tidak memenangi sebarang hadiah sekiranya tidak menerima sebarang pemakluman selepas tempoh tersebut.

#### 5. HADIAH

Pemenang dan hadiah yang ditawarkan adalah seperti berikut –

- a. Hadiah Pertama           RM 2000
- b. Hadiah Kedua             RM1500
- c. Hadiah Ketiga            RM1000
- d. Hadiah Saguhati          RM500 x 3 pemenang

#### 5. PENGHANTARAN CERPEN DAN TARIKH TUTUP PENYERTAAN

- i. Karya hendaklah dihantarkan kepada Penganjur dalam bentuk bahan bercetak ke alamat seperti berikut-

Bahagian Perhubungan Awam, Jabatan Perkhidmatan Korporat,  
Kompleks Perbadanan Putrajaya, No. 24, Persiaran Perdana,  
Presint 3, 62675 Putrajaya  
**(u.p.: En. NOOR AZHAR BIN ZAINAL)**  
No. Tel.:           03-88877350, No. Faks: 03-88875013,  
Emel: nazt@ppj.gov.my
- ii. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **Selasa, 18 Oktober 2011.**